

Dr. Mahathir ziarah jenazah abang di Sungai Petani

OCT 2002

SUNGAI PETANI 30 Sept. — Abang kepada Perdana Menteri, Mashahor Mohamad meninggal dunia kerana sakit tua di rumahnya di Jalan Kapal Terbang di sini hari ini.

Beliau berusia 79 tahun.

Allahyarham disedari meninggal dunia oleh anaknya, Roseniah, 47, apabila diberitahu oleh pembantu rumahnya bahawa Allahyarham tidak sedarkan diri di biliknya kira-kira 9.45 pagi.

Menurut Roseniah, pembantu rumahnya masuk ke bilik Allahyarham untuk mengajaknya bersarapan pagi.

“Seorang pegawai perubatan yang dipanggil selepas itu mengesahkan ayah saya telah meninggal dunia,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mashahor ialah anak kelapan daripada sembilan adik-beradik. Dr. Mahathir adalah yang paling bongsu.

Allahyarham Mashahor

yang merupakan bekas Penolong Pengarah Jabatan

Kerja Raya Kedah meninggal seorang balu, Fa-

timah Sham Ahmad, 71, dan lima orang anak serta 16 cucu.

Sementara itu, Dr. Mahathir bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba untuk menziarahi jenazah Allahyarham Mashahor pada pukul 2.15 petang ini.

Hadir sama menziarahi jenazah Allahyarham ialah kakak Dr. Mahathir, Rafeah, 89, dan Habsah, 87, serta kaum keluarga terdekat yang lain.

Turut menziarah jenazah Allahyarham Mashahor ialah Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, wakil peribadi Perdana Menteri, Tan Sri Osman Arof.

Jenazah Allahyarham dibawa keluar dari rumahnya pada pukul 4.40 petang untuk disembahyangkan di Masjid Muzzafar di sini sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Penghulu Him.